**EDITOR, MEJA BERITA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

# KENYATAAN MEDIA

**KUALA LUMPUR (30 MAC 2021)** - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menzahirkan kebimbangan dengan kenyataan Ketua Polis Negara (KPN) baru-baru ini yang mendakwa wujudnya rasuah dan salah guna kuasa yang serius dalam kalangan pegawai polis, termasuk kewujudan kartel di dalam PDRM yang berniat untuk menguasai pasukan polis atas kepentingan peribadi. Amalan tidak amanah, tidak beretika dan tidak mematuhi undang-undang akan membawa kesan negatif terhadap kebebasan asasi masyarakat Malaysia secara amnya.

SUHAKAM memuji keberanian KPN mendedahkan salah laku serius tersebut yang memerlukan penyiasatan segera bagi memastikan sama ada wujud kebenaran di sebalik dakwaan ini. Sekiranya ia benar, tindakan yang tegas perlu diambil bagi menghentikan amalan sebegini dalam kalangan pasukan polis. SUHAKAM menekankan pendiriannya bahawa proses semakan oleh mekanisma pengawasan bebas dan/atau Suruhanjaya Siasatan DiRaja (RCI) yang telus dan bebas daripada penglibatan politik dalam apa jua bentuk amat penting bagi memerangi isu rasuah dan salah guna kuasa dalam pasukan polis.

Dalam hal ini, SUHAKAM menggesa Kerajaan untuk menggubal Rang Undang-undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) yang merangkumi intipati RUU Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019 serta syor-syor Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) 2005. Penubuhan badan bebas ini akan terus meningkatkan rasa kebertanggungjawaban dan akauntabiliti dalam kalangan polis, menyediakan perlindungan daripada salah laku dan salah guna kuasa serta mengembalikan keyakinan dan penghormatan rakyat kepada agensi penguatkuasaan. SUHAKAM ingin menyatakan harapan agar penubuhan IPCC ini tidak lagi ditangguhkan.

**-TAMAT-**

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**
**30 Mac 2021**

*Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my*